

KEKEJAMAN DI DALAM INSTITUSI  
PERHAMBAAN DI NEGERI PERAK

oleh

LIM ONG LANG

**ARKIB**

rb  
FAC895  
M22L736

KEKEJAMAN DI DALAM INSTITUSI PERHAMBAAN DI  
NEGERI PERAK : SATU PENILAIAN

OLEH LIM ONG LANG

SSOONI

SUATU KAJIAN UNTUK MEMENUHI SYARAT  
PENGKHUSUSAN SEJARAH ( NSK 412/4 : DOKUMEN-  
DOKUMEN DALAH SEJARAH MALAYSIA ) BAGI  
PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA SASTERA DALAM  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEHANUSETIAIN  
UNIVERSITI SANIG MALAYSIA  
SIDANG 1988/89

ISI KANDUNGANHALA SURAT

1. Tujuan dan latar belakang kajian	1
2. Institusi Perhambaan sebagai satu amalan masyarakat Melayu tradisional	3-5
3. Institusi Perhambaan dari pandangan agama Islam	6
4. Kekejaman di dalam institusi perhambaan	7-11
5. Kepentingan ekonomi di dalam perhambaan	12-15
6. Kepentingan politik di dalam perhambaan	15-18
7. Penghapusan institusi perhambaan	18-19
8. Kesimpulan	20
9. Nota kaki	21-24
10. Bilioografi	25-26
11. Lampiran	27-28

Mikrofilm no. C 4192

Correspondence respecting the  
Malay States, including papers  
relating to the abolition of  
slavery in Perak, 1884, Singapore, 1882.

## 1. TUJUAN KAJIAN

Walaupun sudah ada usaha sarjana-sarjana seperti Hanapi Dollah, Aminuddin Baki, Ting Chew Peh dan Patrick Sullivan di dalam mengkaji institusi perhambaan di Perak, namun saya rasa masih terdapat aspek-aspek yang belum dikaji. Misalnya, Hanapi Dollah menyatakan bahawa institusi perhambaan ialah sebuah institusi sosial tetapi matlamat kajian saya akan diteliti daripada lima aspek iaitu :

- a. institusi perhambaan sebagai satu amalan masyarakat Melayu tradisional.
- b. Perhambaan ialah satu institusi yang melanggar agama Islam.
- c. perhambaan ialah institusi yang kejam.
- d. kepentingan ekonomi di dalam institusi perhambaan.
- e. kepentingan politik di dalam institusi perhambaan.

## 2. LATAR BELAKANG

Satu penilaian yang lebih terperinci terhadap institusi perhambaan di Perak haruslah bermula daripada maksud institusi itu sendiri. Menurut Ting Chew Peh, perhambaan merupakan sejenis inequality yang melampau, di mana kumpulan-kumpulan tertentu tidak atau hampir-hampir tidak mempunyai hak sama sekali.<sup>1</sup> L.T. Hobhouse pula mendefinisikan seorang hamba ialah seorang yang dianggap sebagai harta benda orang lain di sisi undang-undang dan adat resam.<sup>2</sup> Daripada kedua-dua penjelasan ini telah memberikan satu konotasi bahawa institusi perhambaan